

Ahli politik diingat tak heret institusi diraja dalam krisis

Sabak Bernam: Datuk Seri Anwar Ibrahim mengingatkan semua ahli politik agar tidak sesekali cuba mengheret institusi diraja negara ini dalam sebarang krisis.

Perdana Menteri berkata, sekiranya ada yang berbuat demikian, mereka harus menanggung akibatnya.

Beliau menegaskan, kedaulatan raja-raja perlu dijaga semua pihak dan ia tidak boleh turut serta dalam perbincangan ketika kempen politik.

“Bukan sahaja orang Selangor tapi orang Pahang, orang Kedah, orang Kelantan juga ada Raja. Kita semua ada Agong. Jangan samakan Raja-Raja dengan kita.

“Raja tidak boleh bercakap kempen sebegini, Raja menjaga daulatnya, sebab itu adanya Kedaulatan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia. Jadi jangan seret Raja di dalam perbincangan kita.

“Malah, ada yang kata Agong menyokong Kerajaan Perpadu-

an. Perpaduan itu adalah titah Agong dan saya, Tan Sri Muhyiddin Yassin, Tan Sri Abdul Hadi Awang, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dipanggil apabila tiada parti memperoleh majoriti untuk tubuh kerajaan,” katanya dalam ucapan ketika merasmikan Mini Karnival Usahawan Desa (KUD) dan Karnival Usahawan Orang Asli (KUAO) di Stadium Sungai Besar, di sini.

Yang turut hadir, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali.

Mengulas lanjut, Anwar berkata, beliau tidak kisah jika dicerca dan dihina oleh pihak-pihak tertentu, tetapi sekiranya kedaulatan diraja disentuh, tindakan akan diambil.

“Berhari-hari Perdana Menteri dicerca, dimaki dan dihina tetapi ada saya ambil tindakan, ada saya suruh polis ambil tin-



Anwar menyempurnakan gimik perasmian Sentuhan Kasih Desa Selangor dan Mini KUD di Stadium Sungai Besar, Sabak Bernam, semalam. (Foto BERNAMA)

dakan... tidak, tetapi jika cerca dan menyinggung Raja, nasib kamulah.

“Yang buat laporan adalah Dewan Diraja Selangor. Apa yang boleh dilakukan (mereka) tanpa

perkenan Sultan Selangor. Pesuruhjaya PAS Selangor datang menghadap memohon ampun, tetapi Tuanku bertitah ia belum selesai.

“Ketua Polis Negara menge-

luarkan kenyataan, tangkap dan dakwa, tetapi kenapa salahkan Perdana Menteri. Tiada modal sangatkah. Kamu pandai cakap pandailah tanggung,” katanya yang jelas raerujuk kepada pendakwaan dikenakan terhadap Menteri Besar, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor.

Anwar berkata, semua pihak tidak seharusnya menyinggung kedudukan Raja-Raja. Melayu atau menanggung tindakan mengikut undang-undang.

“Saudara kena faham, sistem Raja kalau nak pertahankan begini caranya. Saya berbeza pandangan, saya pergi menghadap, patik rasa begini begini. Begitu caranya.

“Tengok di Thailand, Pita Limjaroenrat menang kerusi terbesar di Thailand. Dua bulan tidak boleh lagi tubuhkan kerajaan. Terhuyung-hayang, terumbang-ambing kerana Raja tidak perkenan. Jadi akhirnya, 29 hari bulan ini baru nak putus (pembentukan kerajaan),” katanya.